

# buletin *Selangku Sayang*

DITERBITKAN OLEH  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG  
NASKAH PERCUMA

EDISI  
JAN - APRIL 2024  
01/2024



## MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2023

MENARIK  
DI DALAM...



03

Budimu Disanjung,  
Jasamu Dikenang



10

Anugerah Perkhidmatan  
Cemerlang MPS 2023



13

Majlis Mesra Aidilfitri  
MPS 2023

Komitmen jitu ketika berkhidmat dan disiplin tugas yang ditunjukkan oleh kakitangan MPS melayakkan mereka untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2023.

Tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah. Teruskan kecemerlangan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai khususnya di kawasan Selangor.

Berita penuh di halaman 10.

# DARI MEJA

## YANG DIPERTUA

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,**

Alhamdulillah syukur kepada Ilahi dengan limpah dan kurnia-Nya dapat kita berjumpa kembali dalam Buletin Selayangku Sayang Bil.1/2024.

Masih belum terlewat lagi untuk saya ucapkan Selamat Tahun Baharu 2024 buat seluruh warga MPS yang saya kasih sekalian.

Saya menyeru agar semua warga MPS dapat memulakan tahun baru 2024 dengan penuh semangat, azam dan iltizam yang tinggi. Semoga tahun ini bakal memberikan peluang untuk kita lebih berjaya dan cemerlang.

Marilah kita semua bermuhasabah diri dalam setiap perkara yang telah kita lakukan sepanjang tahun 2023 yang lalu. Perbaiki segala kelemahan diri dan jadikan pengalaman tahun 2023 sebagai pengajaran agar kita dapat meneruskan tahun 2024 ini dengan lebih baik.

Akhir kalam, marilah kita sebagai satu pasukan, bekerjasama dengan penuh keikhlasan dan memperbaharui tekad dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Semoga segala apa yang dirancang bagi tahun 2024 ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Saya mempunyai keyakinan yang tinggi MPS akan terus unggul dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik.

Mudah-mudahan usaha kita semua ini beroleh keredaan dan perlindungan dari-Nya juga.

(DATO' MOHD YAZID B. SAIRI D.S.I.S)  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Selayang

BIL 1/2024 Jan - April



## SIDANG REDAKSI

### PENASIHAT

YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi  
ydp@mps.gov.my

YBRs. Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi  
tydp@mps.gov.my

### KETUA PENGARANG

En. Mohamad Zin bin Masoad  
mzin.masoad@mps.gov.my

### PENOLONG KETUA PENGARANG

En. Ahmad Fauzi bin Ishak  
ahmadfauzi.ishak@mps.gov.my

### PENGARANG

En. Norazhar bin Razali  
norazhar.razali@mps.gov.my  
Pn. Norhatikah Nabila binti Masri  
norhatikahnabila.masri@mps.gov.my  
Pn. Norhasliza binti Hassan  
norhasliza.hassan@mps.gov.my

### PEREKA LETAK

En. Mohd Afzairis bin Naseri  
mafzairis.naseri@mps.gov.my  
Cik Nurshahira Najihah binti Abd Rashid  
nurshahira\_najihah @mps.gov.my

### JURUFOTO

Pn. Anissapinah binti Mohd Dan  
anissapinah.mohddan@mps.gov.my  
En. Mohamad Khairun bin Roslan  
mkhairun.roslan@mps.gov.my

### DITERBITKAN OLEH

Jabatan Korporat  
Majlis Perbandaran Selayang

### TERBITAN

3 Kali Setahun

### e-ISSN 3030-5896

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

### Jabatan Korporat

Majlis Perbandaran Selayang  
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

No. Tel: 03 6126 5800  
No. Faks: 03 6138 2728  
E-mel: aduanmps@mps.gov.my  
Talian Bebas Tol: 1800-222-677



# BUDIMU DISANJUNG, JASAMU DIKENANG

**S**eluruh warga MPS mengucapkan selamat maju jaya kepada Dato' Mohd Yazid bin Sairi yang berkhidmat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor berkuat kuasa mulai 1 Mac 2024. Beliau mengakhiri tugas rasminya sebagai YDP MPS pada 29 Februari 2024 setelah menabur bakti dan tenaga sejak 19 Julai 2021. Terima kasih kami ucapkan, budimu tuan jadi ingatan.



## TUAN ADI FAIZAL DILANTIK PEMANGKU YDP MPS

Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi telah dilantik sebagai pemangku YDP MPS yang baru. Pemangkuan beliau ini menggantikan YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi yang telah dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan). Majlis lafaz akuan terima jawatan telah diadakan di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS pada Rabu, 6 Mac 2024.



## BACAAN YASIN DAN DOA SELAMAT UNTUK KESEJAHTERAAN WARGA MPS

T irai pembukaan tahun 2004 dimulakan dengan Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat yang diadakan pada 4 Januari 2024 di Masjid Jamek Al-Amaniah, Batu Caves. Majlis ini dihadiri YB Puan Anfaal binti Shaari, Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor mewakili Dato' Menteri Besar Selangor, pihak pengurusan MPS, para penyelaras DUN, barisan Ahli Majlis MPS, wakil-wakil jabatan dan agensi daerah Gombak serta kariah masjid.



## BACAAN YASIN MOHON DIPERMUDAHKAN URUSAN

B agi memohon kelancaran operasi dan meningkatkan motivasi seluruh warga kerja MPS untuk terus komited melaksanakan tugasannya, Majlis Bacaan Yasin, Tahliil dan Doa Kesyukuran telah diadakan pada 23 Februari 2024 di Lobi Menara MPS. Majlis bacaan Yasin telah dipimpin oleh al-Fadhil Ustaz Abdul Khair bin Jalil. Turut hadir sama mengimarahkan majlis ialah YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS, Encik Mohd Zikry bin Zulkifle, Presiden KSDK MPS, para pengarah jabatan dan warga kerja MPS.



Sila imbas kod QR untuk melihat gambar Majlis Bacaan Yasin Tahliil dan Doa Selamat

## 22 AHLI MAJLIS ANGKAT SUMPAH BAGI PENGGAL 2024 HINGGA 2025

Bagi memperkasa pentadbiran dan sistem penyampaian perkhidmatan MPS, seramai 22 orang Ahli Majlis telah mengangkat sumpah di hadapan YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS. Majlis Lafaz Akuan Terima Jawatan Ahli Majlis MPS bagi penggal 2024 hingga 2025 telah berlangsung pada 18 Januari 2024 di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS.



Sila imbas kod QR untuk melihat senarai Ahli Majlis MPS 2024-2025



## DATO' YDP MAHU WARGA MPS TEKUN BEKERJA



Menerusi amanat tahun baharu 2024, YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS telah menzhahirkan rasa bangga beliau atas pencapaian MPS semasa Perhimpunan Bulanan Peringkat MPS 2024 yang diadakan pada 29 Januari 2024 di Lobi Menara MPS.

Pada majlis ini turut diadakan penyampaian sijil Anugerah Cawangan Cemerlang kepada Anulae MPS, hadiah Kejohanan Sukan Antara Jabatan MPS bagi sukan Dart dan juga sesi pengenalan Ahli Majlis MPS bagi penggal 2024 - 2025.

Hadir sama dalam majlis ini Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS, barisan Ahli Majlis, para pengarah dan kakitangan MPS.

## MB SELANGOR SERU PENJAWAT AWAM SELESAI ADUAN RAKYAT DENGAN CEPAT

Warga MPS turut ketinggalan mengikuti siaran langsung secara dalam talian Majlis Amanat Tahun Baharu YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin Shari yang telah diadakan pada 15 Januari 2024 di Auditorium Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz. Majlis amanat ini ditujukan kepada penjawat awam Negeri Selangor, ketua jabatan dan wakil anak syarikat kerajaan negeri.



Sila imbas kod QR untuk melihat video Amanat Tahun Baharu 2024 bersama YAB Dato' Menteri Besar Selangor.



## PMX SANTUNI PENDUDUK SELAYANG



YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim telah berkesempatan beramah mesra sambil menikmati juadah tengah hari bersama orang ramai di Medan Selera MPS, Bandar Baru Selayang pada 5 Januari 2024. Pada sesi lawatan ini, YAB Perdana Menteri turut mengambil peluang menuaikan solat Jumaat di Masjid Al-Firdaus Bandar Baru Selayang.

Antara yang menyambut ketibaan Perdana Menteri ialah YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS, YDH Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak, Puan Nor Azlina binti Abdul Aziz, Pegawai Daerah Gombak, YB Tuan William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang, YB Puan Anfaal binti Saari, Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor merangkap ADUN Taman Templer serta pemimpin-pemimpin tempatan yang lain.



Sila imbas kod QR untuk melihat gambar PMX Santuni Penduduk Selayang

## MAJLIS IFTAR RAMADAN RAPATKAN PERSAUDARAAN MB DENGAN RAKYAT

YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah menghadiri Majlis Iftar Ramadan bersama ketua jabatan dan penggerak masyarakat Parlimen Gombak pada 9 Mac 2024. Program yang dianjurkan melalui Pusat Khidmat Parlimen Gombak ini turut dihadiri oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS, Dr. Ani binti Ahmad, YDP MPAJ, Puan Nor Azlina binti Abdul Aziz, Pegawai Daerah Gombak, ketua jabatan di peringkat daerah Gombak, Ahli Majlis dan pengurusan tertinggi MPAJ.



## KDEBWM TANDATANGAN SST

Bermula 1 Mac 2024, semua pemegang lesen industri dan perdagangan di bawah kawasan MPS diwajibkan untuk melantik syarikat KDEB Waste Management (KDEBWM) untuk perkhidmatan pengurusan sisa pepejal industri dan perdagangan. Sehubungan dengan itu satu Majlis Menandatangani Surat Setuju Terima (SST) untuk skop perkhidmatan kutipan sisa domestik dan pukal kawasan di bawah pentadbiran MPS telah diadakan pada 28 Februari 2024 di Lobi Menara MPS. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS bersama YBrs. Dato' Haji Ramli bin Mohd Tahir, Pengarah Urusan KDEB Waste Management (KDEBWM) sambil disaksikan YB Dato' Ng Suee Lim, Exco Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Selangor.

Turut diadakan penyerahan surat lantikan KDEBWM sebagai kontraktor kutipan sisa industri dan perdagangan serta penyerahan replika kunci sebagai simbolik pelancaran lori kompaktor dengan imej baharu.



## MESYUARAT YDP BERSAMA AHLI PARLIMEN DAN AHLI DEWAN NEGERI TUMPU SELESAI MASALAH RAKYAT

Bagi berkongsi segala permasalahan, pandangan dan pembangunan yang berlaku di kawasan pentadbiran MPS, Mesyuarat YDP MPS bersama Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negeri Bilangan 1 Tahun 2024 telah diadakan pada 21 Februari 2024 di Dewan Simponi Lagong, Taman Rimba Bukit Lagong.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS. Ahli mesyuarat yang turut hadir ialah YB Tuan Chua Wei Kiat, ADN Rawang, YB Puan Pua Pei Ling, ADN Bukit Lanjan, Tuan A. Rahim bin Kasdi, Setiausaha Politik kepada Dato' Menteri Besar Selangor yang mewakili Parlimen Gombak dan DUN Gombak Setia, Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS, wakil-wakil Parlimen dan DUN serta para pengaruh jabatan MPS.

## PANGSAPURI DADIMUR ANJUR PROGRAM RAMAH MESRA KOMUNITI

Keharmonian komuniti skim strata jelas dapat dilihat dalam penganjuran Program Ramah Mesra Komuniti oleh Badan Pengurusan Pangaspuri Dadimur, Taman Desa Batu Caves pada 10 Februari 2024 di Flat Dadimur. Majlis dihadiri oleh Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS dan Tuan Wan Anuar bin Wan Ibrahim, Ahli Majlis dan pengurus JKP Zon 5.

Program ini turut mendapat kerjasama agensi NGO bertujuan untuk menghargai MPS dan semua pihak di atas usaha mendapatkan saluran peruntukan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS) untuk kelestarian skim strata Flat Dadimur.



## AUDIT PEMANTAUAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI ISO 9001 DAN INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS) 27001

Demi mengekalkan tahap kecemerlangan organisasi sedia ada, proses Audit Pemantauan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001 dan Information Security Management System (ISMS) 27001 telah diadakan pada 25 hingga 27 Mac 2024. Mesyuarat pembukaan audit telah disempurnakan oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS.

Sesi pengauditan ini diketuai oleh Encik Mohd Nasir bin Md. Zainuddin selaku Ketua Audit ISO 9001:2015 dan Puan Noor Kamasahliza binti Md Sahair @ Shahir, Ketua Audit ISO/IEC 27001:2013 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd bersama-sama dua orang juruaudit iaitu Puan Nur Amira binti Amran dan Encik Mohammad Hamidi bin Yusop.



## JABATAN KERAJAAN TEMPATAN ADAKAN LAWATAN PROGRAM PEMANTAUAN AUDIT TEKNIKAL KESIHATAN PERSEKITARAN

Perlaksanaan kerja dan tahap penyampaian perkhidmatan PBT perlulah selaras dengan akta, dasar dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Oleh itu, Lawatan Program Pemantauan Audit Teknikal (PPAT) Kesihatan Persekitaran Jabatan Kerajaan Tempatan bagi tahun 2024 telah diadakan pada 27 Februari 2024. Lawatan ini diketuai oleh Encik Firdaus Siau bin Abdullah dan Puan Siti Suziana binti Abd Rashid daripada Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran, Jabatan Kerajaan Tempatan.

Mesyuarat pembukaan audit ini telah dipengerusikan oleh Encik Mohamad Zin bin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat. Turut hadir ialah Puan Norhayati Ahmad, Pengarah Jabatan Sisa Pepejal dan Kesihatan serta para pengarah dan pegawai MPS.



## 62 KAKITANGAN BAHARU SERTAI TAKLIMAT KESEDARAN ISO 9001 DAN BENGKEL LATIHAN SISTEM DOKUMENTASI ISO 9001 DAN ISMS (NIIX SOFTWARE)

Taklimat Kesedaran ISO 9001 dan Bengkel Latihan Sistem Dokumentasi ISO 9001 dan ISMS (Niix Software) telah diadakan pada 1 Februari 2024 di Dewan Keraian Tingkat 8 Menara MPS. Seramai 62 orang kakitangan lantikan baharu 2024 telah menyertai program ini. Latihan sistem kepada ahli dokumentasi ISO dan ISMS dijalankan bagi memastikan pengguna mahir dalam mengendalikan sistem ini kelak.



## MPS ANJUR BENGKEL PENGURUSAN RISIKO ISO DAN DOKUMENTASI

Sebagai persediaan bagi memenuhi keperluan kawalan kualiti, Bengkel Kajian Semula Pelan Pengurusan Risiko dan Peluang serta Pengemaskinian Dokumentasi MS ISO 9001:2015 MPS Tahun 2024 telah diadakan pada 30 hingga 31 Januari 2024 di Bangi Resort Hotel. Bengkel yang disertai oleh Pengarah, Timbalan Pengarah dan pegawai MPS ini diadakan bagi membuat pengesahan dan ketetapan terhadap Pelan Pengurusan Risiko dan Dokumentasi MS ISO 9001 MPS bagi tahun 2024. Turut sama hadir semasa bengkel ialah Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS.



## AHLI KIK MPS TIMBA PENGETAHUAN BAHARU DI MPAJ



Seramai 30 orang kakitangan MPS yang merupakan ahli KIK telah mengadakan lawatan ke MPAJ pada 11 Januari 2024. Tujuan lawatan adalah untuk menimba ilmu pengetahuan serta pengalaman baharu dalam pembudayaan inovasi, langkah dan cabaran berkenaan Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK).

Lawatan yang diketuai oleh Encik Ahmad Fauzi bin Ishak, Timbalan Pengarah Jabatan Korporat telah diberi penerangan oleh Puan Rosliza binti Mohd, Pengarah Jabatan Korporat dan Teknologi Maklumat MPAJ yang juga merupakan Ikon Inovasi Negeri Selangor.

# Anugerah PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) MPS 2023 telah disempurnakan oleh YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 19 Januari 2024 di Templer's Ballroom, Setia Eco Templer, Rawang. Sebagai menghargai sumbangan dan penghargaan kepada warga MPS, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang telah dianugerahkan kepada 88 orang pekerja MPS dan 11 orang pesara MPS.

Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS, Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS, YAD Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak, Puan Nor Azlina binti Abdul Aziz, Pegawai Daerah Gombak, Tuan A. Rahim bin Kasdi, Setiausaha Politik kepada Dato' Menteri Besar Selangor, barisan Ahli Majlis MPS dan para pengarah jabatan MPS.



# Senarai Penerima

**JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN**

1. SU@NOOR HAFIZAH BINTI MOHAMAD LASIM
2. MOHD HAZRIN BIN ABU HASSEN
3. NORHAZLIN BINTI SUFIAN
4. NURUL SAADAH BINTI RIDZUAN
5. JULIANAH BINTI YUSOF
6. NUR SYAHIRAH BINTI JAAFAR
7. MOHAMAD ZAIID BIN ABD HADI

**JABATAN KORPORAT**

1. MOHAMAD ZIN BIN MASOAD
2. SUZILAH BINTI SHAMSUDDIN
3. RAMLEE BIN ABDULLAH

**JABATAN BANGUNAN**

1. MOHAMAD RAIS BIN SAIDIN
2. ZALINA BINTI HUSIN
3. RAMACHANDRAN A/L BALACHENREN

**JABATAN LANDSKAP**

1. NURUL HUSNA BINTI SHARIFUDIN
2. SURIYANI BINTI MOHAMAD SAMAN
3. MUHAMAD TAUFIK AHMAD BIN SARIPUDIN
4. NURUL ADHA IZZATI BINTI MD. ZAZULI
5. SULAIMAN BIN HASIM
6. JUNAIDI BIN ANUAR
7. FUAD BIN ABU HASSEN

**JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN**

1. AZHAR BIN CHE SALLEH
2. MUHAMMAD DARWISY BIN ABDULLAH
3. ZULKIFLEE BIN OSMAN
4. MUHAMAD PADIL BIN PANOT
5. MUHAMMAD AIZAT BIN ZAHARUDDIN
6. SARMMAH A/L SUBRAMANIAM
7. MAHADI BIN YAHA
8. HUSNEY BIN KAMARUDDIN
9. MUSA BIN MOHAMED

**JABATAN PELESENAN**

1. NURUL 'AIN BINTI MOHD SABRI
2. AHMAD MUZZAMMIL BIN MOHAMED HASHIM
3. MOHD. SAHRI BIN HARUN
4. NOOR AFFENDY BIN HAWARI

**JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA**

1. MOHD ZIKRY BIN ZULKIFLE
2. FADILLAH BINTI ZAHARUDIN
3. SUZANA BINTI SALEH
4. HADI BIN SOLEH
5. AHMAD AIZUDDIN BIN ABD RASID
6. KHAIRUL IKHWAN BIN SOLEH

**JABATAN PENGUATKUASA DAN KESELAMATAN**

1. PARAMASIVAM A/L CHELLIAH
2. SITI FATIMAH BINTI IBRAHIM
3. HARTINI BINTI DASWAR
4. KAMARUL ZAMAN BIN MOHD DAUD
5. NUR AMNANI BINTI MOHAMAD SHAFIE
6. NORHASLINDA BINTI HASHIM
7. MUHAMMAD KHAIRULLAH BIN ABU BAKAR
8. NOR AIN SHAHIEDA BINTI MOHD NOWAHR
9. ZUL HELMI BIN SHAMSHUDDIN

**JABATAN PENBENDAHARAAN**

1. WAN ROZZALINA BINTI MOHAMED RAZALLI
2. MARLINA MANJA BINTI MOHAMMAD AMIN
3. NOR HARYANTI BINTI ZULKEFLY
4. NUR AZIYATI BINTI ZAINAL ABIDIN
5. NORAZIAH BINTI ALI
6. NORZITA BINTI JAAFAR
7. SITI SALBIAH BINTI SALLEH
8. MOHD HUZAIMI BIN MOHD ADNAN
9. NORAFENDI BIN ISMAIL

**JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT**

1. RUZAINI BINTI SOHOT
2. NUR FATIN AMIRAH BINTI SHAHROM
3. MOHAMMAD AMIRUL HAFIZ BIN MOHD SALLEH

**JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT**

1. NADIRAH BINTI AMRAN
2. NORSALINA BINTI MOHD NOR
3. MOHAMAD RIDZA BIN RAMLI

**JABATAN PERUNDANGAN**

1. SAIFUL AZMI BIN SAMAD
2. MUHAMMAD AMIR IZWAN BIN MOHAMAD TUMIZI

**JABATAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN**

1. TS AHMAD SYAHIR BIN MOHAMMAD GHAZALI

**JABATAN KEJURUTERAAN**

1. KAMARUZAMAN BIN SABRI
2. MOHD YUSRI BIN ALIAS
3. RODZMAN BIN ROSLAN
4. MUHAMMAD SHAH REZA BIN JOVAHAR ALI
5. NOREMIRA BINTI YUSUFF
6. MASVIRA BIN MUHAMMAD
7. MOHD FADZLI BIN SULAIMAN
8. MOHD HARITZ BIN IBRAHIM
9. YUSUF BIN BAHARUDDIN
10. DARANIDARAN A/L NADARAJAH
11. SIVA NATHAN A/L PAKIRY
12. MOHD FARID BIN OSMAN

**JABATAN PESURUHKJAYA BANGUNAN (COB)**

1. IRDA MARLINA BINTI MOHD TAHIR
2. NOR AZLIM BIN CHE AHMAD NORDIN

**JABATAN AUDIT DALAM**

1. KHAIRINA BINTI MOHD KARDRY

**BAHAGIAN URUS SETIA**

1. ABDUL MAJID BIN HASSAN IBRAHIM
2. RETNO DEWI BINTI KUSMANTO
3. NUR SYAFINAS BINTI SAID

**JABATAN PERANCANG BANDAR**

1. MOHD MUSTAIN BIN MOHAD ZAINAL
2. RIZMAN BIN ABDUL KADIR
3. NURUL FITRIAH BINTI MAT YAZIK
4. ZUL FADZWAN BIN ZAIDIN

Sila imbas kod QR untuk memuat turun versi penuh buku aturcara APC 2023


**ANUGERAH JASAMU DIKENANG PESARA****BERSARA WAJIB BAGI TAHUN 2023**

1. ABDUL RAZAK BIN AHMAD
2. HASSAN BIN ALI
3. SURESH A/L MURUGESU
4. MOHD. ZAHARI BIN MOHD. ALI

**BERSARA PILIHAN SENDIRI BAGI TAHUN 2023**

1. MOHAMMAD AZREE BIN YAHA
2. KAMAL BIN ISHAK
3. AZHARI BIN ABD AZIZ

**BERSARA TERBITAN BAGI TAHUN 2023**

1. ZAIRUL NAJIB BIN MANSOR
2. HASMAWI BIN MAT JUNIT

**BERSARA WAJIB BAGI TAHUN 2024**

1. HUSNEY BIN KAMARUDDIN

**BERSARA PILIHAN SENDIRI BAGI TAHUN 2024**

1. NADZRI BIN AHMAD

**ANUGERAH KHIDMAT SETIA**

1. RODZMAN BIN ROSLAN

# GERAI MPS DISERBU DI RUMAH TERBUKA RIUH RAYA #KITASELANGOR 2024

Dianggarkan seramai lebih 40 000 pengunjung hadir memeriahkan Majlis Rumah Terbuka Riuh Raya #KitaSelangor 2024. Majlis rumah terbuka yang berlangsung pada 27 April 2024 di Bandar Kuala Kubu Bharu ini mendapat sambutan luar biasa daripada penduduk setempat dan kawasan sekitarnya. MPS turut tidak ketinggalan

dalam penganjurannya dengan membuka gerai makanan Aneka Gorengan. Antara juadah yang disajikan adalah seperti pisang goreng, keledek goreng, cucur bilis, keropok lekor dan putu bambu. Majlis turut diserikan dengan persembahan artis terkenal tanah air, pemberian duit raya dan pertunjukan bunga api.





# MAJLIS MESRA Aidilfitri

MPS 2024

Penganjuran Majlis Mesra Aidilfitri Warga Kerja MPS 2024 berlangsung dengan meriah pada 26 April 2024 bersamaan 17 Syawal 1445H di pekarangan Menara MPS. Pelbagai juadah telah disajikan menerusi lebih 22 gerai makanan. Turut diadakan acara penyampaian hadiah Pertandingan Menghias Pejabat Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2024, cabutan bertuah dan penyerahan duit raya yang telah disempurnakan oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS.

Turut hadir ke majlis ini YBhg. Dato Mohd Yazid bin Sairi, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan), YAD Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negeri, YDP PBT Selangor, wakil agensi daerah Gombak, barisan Ahli Majlis MPS serta wakil-wakil agensi kerajaan di Negeri Selangor.



## Keputusan Pertandingan Menghias Pejabat Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2024

### Johan:

Jabatan Korporat

### Naib Johan:

Jabatan Khidmat Pengurusan

### Ketiga:

Jabatan Perancang Bandar



## THU DUC CITY PEOPLE'S COUNCIL, VIETNAM PELAJARI URUS TADBIR MPS

Thu Duc City People's Council, Vietnam berminat untuk memahami tentang fungsi MPS sebagai PBT dan juga amalan terbaik yang dilaksanakan. Lantaran itu Thu Duc City People's Council, Vietnam telah mengadakan lawatan ke MPS pada 25 April 2024. Kunjungan delegasi Vietnam seramai 18 orang ini diketuai oleh Mr. Mai Huu Quyet, Timbalan Pengurus Thu Duc City People's Council dan disambut oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS. Hadir sama dalam pertemuan ini, Ketua Whip, para pengarah jabatan dan pegawai-pegawai MPS.



## KUNJUNGAN CELCOMDIGI BERHAD PERKUKUH HUBUNGAN DENGAN MPS

Perbincangan mengenai kerjasama bagi mendalami inisiatif bandar pintar telah diadakan semasa kunjungan pihak pengurusan CelcomDigi Berhad ke MPS pada 14 Mac 2024. Lawatan yang diketua oleh Tuan Haji Romlan bin Sarpin, Ketua Jualan Perusahaan turut disertai tiga orang pegawai disambut oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS.

Turut hadir dalam perjumpaan ini Encik Mohamad Zin bin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat, Tuan Haji Mohd Syukri bin Abdullah Zawawi, Pengarah Jabatan Bangunan, Puan TPr. Noriza binti Bahari, Pengarah Jabatan Perancang Bandar, Puan Zuriati binti Karia, Timbalan Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat serta Pegawai Jabatan Bangunan.



## MBI TINJAU SISTEM PERAKAUNAN MPS

**B**agi memperkuuh jaringan kerjasama, Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) telah mengadakan lawatan ke MPS pada 28 Februari 2024 untuk mempelajari pelaksanaan menaik taraf pangkalan data dan weblogic bagi platform Oracle khususnya sistem perakaunan.

Lawatan yang diketuai oleh Tuan Mohd Syazlan bin Mohd Isa Suffian, Pengarah Perbandaraan MBI bersama empat orang pegawai telah disambut oleh Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha merangkap Pengarah Jabatan Perbandaraan MPS. Sesi penerangan telah disampaikan oleh Puan Zuriati binti Karia, Timbalan Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat MPS.



## ANULAE CAWANGAN MPJ BERTUKAR PANDANGAN DENGAN MPS

**M**PS berbesar hati menerima Kunjungan Hormat Anulae Cawangan Majlis Perbandaran Jasin pada 26 Februari 2024. Lawatan seramai 34 orang ahli Anulae Cawangan MPJ ini diketuai oleh Setiausaha MPJ, Encik Muhammad Zahiruddin bin Mohd Zahari. Pada sesi lawatan ini kedua-dua pihak membincangkan perkara berhubung isu-isu untuk penambahbaikan organisasi selain bertukar-tukar pandangan dan juga pengalaman.



## DBKL PELAJARI SISTEM KERJA JABATAN KEJURUTERAAN MPS

**D**emi meningkatkan jaringan perkongsian maklumat bagi kelestarian kesejahteraan bandar secara mampan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengadakan lawatan ke MPS pada 6 Mac 2024. Lawatan yang diketuai oleh Encik Syazrul Nizam bin Sulaiman, Timbalan Pengarah Jabatan Perancangan Infrastruktur DBKL turut disertai empat orang pegawai telah disambut oleh Tuan Ir. Ts. Hazrin Hazizi bin Hussain Sabri, Timbalan Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPS.

Pada sesi lawatan ini, Tuan Ir. Haji Shaiful Nor Aidil bin Mohd Jaya, Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPS telah memberi taklimat mengenai Yuran Memproses Pelan Kejuruteraan (Pelan Kerja Tanah dan Pelan Jalan Perparitan) serta Punca Kuasa dan Undang-undang Kecil.



## TAHNIAH PUAN SUHAILA DAN TUAN HAJI MOHD SYUKRI

Tahniah diucapkan kepada Puan Suhaila binti Abdul Hamid atas pelantikan sebagai Pengarah Perundangan MPS dan Tuan Haji Mohd Syukri bin Abdullah Zawawi atas pelantikan sebagai Pengarah Bangunan MPS berkuat kuasa pada 3 Januari 2024.

Majlis penyerahan surat lantikan dan kenaikan pangkat berkenaan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS sambil disaksikan oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS dan Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS.



## MPS KENDALI TAKLIMAT PENGECAULIAN CUKAI TAKSIRAN KEDIAMAN KAMPUNG SEKITAR SELAYANG

Selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri Selangor untuk pelaksanaan pengecaulian kediaman kampung secara bersasar bermula tahun 2024, satu program taklimat telah diadakan oleh MPS pada 19 Mac 2024 di Dewan Rinai, Taman Gombak.

Sesi taklimat telah disampaikan oleh Tuan Ts. Hairudin bin Daud, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPS dan Puan Sr. Farah Firdaerma, Pegawai Penilaian MPS kepada lebih 40 tetamu yang hadir. Kehadiran melibatkan Ahli Majlis MPS, Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan juga Ketua Komuniti di bawah perbandaran Selayang.



## SELAMAT BERTUGAS PUAN ZURIATI

Tahniah diucapkan kepada Puan Zuriati binti Karia atas pelantikan sebagai Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat MPS berkuat kuasa pada 2 Mei 2024. Majlis penyerahan surat lantikan berkenaan telah disempurnakan oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS pada 5 April 2024.



## SAMBUTAN MENGGALAKKAN PROGRAM KHATAN PERDANA

Seramai 15 orang anak-anak kakitangan MPS dirai dalam Program Berkhatan Perdana anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPS pada 9 Februari 2024. Program yang diadakan di lobi dan pekarangan Menara MPS ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS dengan dihadiri oleh ibu bapa, peserta dan kakitangan MPS. Para peserta dibawa ke Klinik Sejahtera Bandar Baru Selayang untuk proses berkhatan.



## SERAHAN BEKAS MAKANAN BERTUTUP KEPADA PENGUNJUNG BAZAR RAMADAN

Bagi mengurangkan penggunaan plastik dalam kalangan pengunjung bazar Ramadan, MPS telah mengadakan satu program serahan bekas makanan bertutup pada 20 Mac 2024 di Bazar Ramadan Bandar Rawang.

Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS telah berkesempatan mengedarkan bekas makanan dan beg guna semula kepada pengunjung bazar. Turut hadir sama Puan Alice Choo Foong Thye, Ahli Majlis Zon 15 dan para pengarah jabatan MPS.



## TINJAUAN TYDP MPS KE BAZAR RAMADAN BANDAR BARU SELAYANG



Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS telah melakukan tinjauan ke tapak Bazar Ramadan Bandar Baru Selayang sempena Kempen Jom Makan Sampai Habis pada 12 Mac 2024. Turut serta ialah Tuan Ahmad Zahiri bin Zahid Sofian, Ahli Majlis Zon 10 dan Puan Zulaina binti Abu Talib, Pengarah Jabatan Pelesenian MPS.

Kempen ini dilaksanakan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat agar tidak melakukan pembaziran ketika berbelanja dan mengurangkan penghasilan sisa makanan. Tuan TYDP turut berkesempatan menyantuni dan menyerahkan kit berupa apron dan topi kepada peniaga bazar Ramadan.

## KDEBWM ADAKAN TAKLIMAT PENGURUSAN PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA PEPEJAL KEPADA KONTRAKTOR BAHARU

Lebih lanjut majlis menandatangi surat setuju terima (SST) kontrak bagi perkhidmatan kutipan sampah KDEB Waste Management (KDEBWM) dan MPS pada 28 Februari 2024 yang lalu, satu Taklimat Pengurusan Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal MPS 2024 oleh KDEB Waste Management Cawangan Selayang telah diadakan pada 18 Mac 2024 di Dewan Beringin, Gombak.

Taklimat ini diadakan untuk memberikan penerangan berkaitan pembahagian zon kutipan, skop dan spesifikasi kerja (kekerapan, kaedah dan waktu kutipan), penggunaan logistik dan jentera mengikut senarai zon dan juga tatacara kutipan selaras dengan perjanjian kontrak baharu yang bermula pada 16 Mac 2024.

Taklimat ini melibatkan semua lantikan baharu bagi kontraktor Pengurusan Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal di perbandaran Selayang selain barisan Ahli Majlis dan wakil jabatan dalaman MPS.



Sila imbas kod QR untuk melihat gambar Majlis Menandatangi surat setuju terima (SST)

## MPS EDAR 300 PEK JUADAH SAHUR

Mengambil keberkatan bulan Ramadan, MPS telah mengedarkan sejumlah 300 pek juadah sahur kepada petugas barisan hadapan agensi kerajaan di sekitar Daerah Gombak pada 4 April 2024. Konvoi ini diketuai oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS. Seramai 15 orang kakitangan MPS mula mengedar juadah sahur seawal jam 12:00 pagi.

Antara agensi kerajaan yang menerima sumbangan ini ialah Unit Kecemasan Hospital

Selayang, Unit Kecemasan Hospital Sungai Buloh, Balai Bomba Dan Penyelamat Bandar Baru Selayang, Balai Bomba Dan Penyelamat Rawang, Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak dan Balai Polis Rawang.

Program yang julung kali diadakan ini dianjurkan oleh MPS melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kelab Sukan dan Kebajikan MPS (KSDK), Anulae cawangan Selayang dan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) MPS.



## 2 500 BUBUR LAMBUK BERJAYA DIAGIHKAN

Hidangan bubur lambuk sentiasa menjadi menu wajib setiap kali bulan puasa. Justeru itu, KSDK MPS telah mengadakan Program Memasak Bubur Lambuk pada 21 Mac 2024 di tempat letak kereta kuarters MPS, Bandar Baru Selayang. Sebanyak 2 500 bekas bubur lambuk diedarkan kepada kakitangan MPS, agensi-agensi kerajaan dan swasta serta orang awam yang datang berurusan di MPS. Hadir sama dalam program ini ialah Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS, barisan Ahli Majlis dan para pengarah jabatan MPS.

## TADARUS TINGKAT KEFAHAMAN AL-QURAN

Bagi menyemarakkan bulan Ramadan yang mulia, Majlis Tadarus dan Khatam al-Quran Perdana Peringkat MPS untuk kakitangan wanita telah diadakan pada 22 Mac 2024 di Surau Tingkat 8, Menara MPS. Program anjuran bersama Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPS dan Anulae Cawangan MPS ini dihadiri seramai 75 orang kakitangan wanita MPS.

Majlis ini turut dihadiri oleh YB Puan Anfaal binti Shaari, ADUN Taman Templer merangkap Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor, Puan Ruzani binti Sohot, Penggerusi ANULAE Cawangan MPS dan Puan Kasmah binti Kamis, Setiausaha KSDK MPS.



## DERMA DARAH MAMPU SELAMATKAN NYAWA

Kesedaran dalam membantu memastikan bekalan darah negara sentiasa berada dalam paras yang selamat telah mendorong ANULAE cawangan MPS dengan kerjasama Pusat Darah Negara mengadakan Kempen Derma Darah pada 8 Februari 2024 di Lobi Menara MPS. YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS dan Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS turut meluangkan masa melawat program yang disertai oleh seramai 133 orang penderma ini.



## “PUASAKU IBADAHKU MENUJU KE ILAHI”

P engisian sepanjang bulan Ramadan dipenuhi dengan aktiviti kerohanian antaranya Majlis Ceramah Ambang Ramadan 1445H anjuran Anulae Cawangan MPS dengan kerjasama KSDK MPS yang telah diadakan pada 14 April 2024 di Lobi Menara MPS. Ceramah bertajuk “Puasaku Ibadahku Menuju Ke Ilahi” ini telah disampaikan oleh Dai Izzar Nazri. Turut hadir ialah Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS, para pengarah jabatan dan warga kerja MPS.



## IHYA’ RAMADAN SANTUNI GOLONGAN WARGA EMAS

M PS dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Persatuan Badan Berkunun Malaysia (PBBM) telah mengadakan Program Ihya’ Ramadan pada 27 Mac 2024 di sekitar kawasan Selayang Indah dan Selayang Baru.

Program ini diadakan untuk menyampaikan sumbangan kepada golongan warga emas di sekitar Perbandaran Selayang sempena menjelang Hari Raya Aidilfitri. Turut sama menjayakan program ialah Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS, Haji Az’har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS dan barisan Ahli Majlis MPS.



## “ANUGERAH SYAWAL SEINDAH RAMADAN”

S empena menyambut bulan Syawal yang bakal tiba, Anulae Cawangan MPS dengan kerjasama KSDK MPS telah mengadakan Majlis Ceramah Ambang Syawal 1445H pada 4 April 2024 di Lobi Menara MPS. Ceramah bertajuk “Anugerah Syawal Seindah Ramadan” ini telah disampaikan oleh al-Fadil Ustaz Syed Putra Haizam. Turut hadir ialah Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS, para pengarah jabatan dan warga kerja MPS.



## WORLD #QURANHOUR BERI PELUANG PESERTA DALAMI AL-QURAN

P rogram World #QuranHour 2024 peringkat MPS telah diadakan pada 4 April 2024 di Surau Tingkat 8, Menara MPS. Dengan mengangkat tema “Ummah #GrandReset: Kesatuan dan Transformasi Sosial”, surah al-Jumu’ah telah dipilih dan dibaca secara serentak diketuai oleh Profesor Madya Dr. Saupi bin Man. Turut sama hadir Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS, para pengarah jabatan dan kakitangan MPS.

## SAMBUTAN HANGAT KARNIVAL SELAYANGKU SAYANG 2024

Lebih 500 orang hadir memeriahkan Karnival Selayangku Sayang 2024 yang telah dirasmikan oleh YB Puan Anfaal binti Shaari EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor pada 2 dan 3 Mac 2024 di Dataran Ilmu, Bandar Baru Selayang. Pada karnival ini, MPS telah menyampaikan pemberian baucar bantuan sebanyak RM200 kepada 50 orang penerima. Turut diadakan pemberian 500 kilogram sayur kepada 500 pengunjung secara percuma.

Karnival ini turut dihadiri Tuan Adi Faizal Ahmad Tarmizi, TYDP MPS, YB Puan Pua Pei Ling, ADUN Bukit Lanjan dan YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan).



Sila imbas kod QR untuk melihat gambar Sambutan Karnival Selayangku Sayang 2024



## PASUKAN TUAH BOLOT KEMENANGAN

Bagi mengerakkan hubungan silaturahim antara warga kerja MPS, KSDK MPS telah menganjurkan karnival sukan antara jabatan pada 9 Februari 2024 di Selayang Bowl, Selayang Mall. Johan bagi kategori berpasukan menjadi milik pasukan Tuah daripada Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan.

Hadiah tempat pertama bagi kategori jatuhan pin terbanyak individu lelaki dimenangi Encik Mohd Syarimee bin Mohd Shariff daripada pasukan Tuah dengan 558 jatuhan pin manakala kategori wanita pula dimenangi Puan Zulieana binti Johari daripada pasukan Tuah dengan 525 jatuhan pin.

## NANO TECH A JOHAN PERTANDINGAN BOLA SEPAK

Buat julung kalinya Tuan U Chin Ong, Ahli Majlis MPS dan JKP Zon 12 telah menganjurkan pertandingan bola sepak pada 2 Mac 2024. Sebanyak 8 pasukan menyertai pertandingan ini. Johan disandang oleh kumpulan Nano Tech A manakala kumpulan JKP Zon 12 dinobatkan sebagai naib johan. Tempat ketiga pula dimenangi kumpulan Bintang Gombak.





# SALURAN PEMBAYARAN CUKAI TAKSIRAN

## MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG



**MyMPS**  
layari: [mymps.mps.gov.my](http://mymps.mps.gov.my)



### PERBANKAN INTERNET



### ATM (AUTO TELLER MACHINE)



### MESIN DEPOSIT

TUNAI                    CEK  
BANK ISLAM            BANK ISLAM BSN

### KAUNTER BANK



### KAUNTER BAYARAN MPS

- Kiosk
- Kaunter pandu lalu
- Cawangan Rawang
- Cawangan Sri Gombak
- Cawangan Wangsa Permai
- Kaunter Bergerak (Berjadual)

### KAUNTER PEJABAT POS

Pejabat Pos Besar & seluruh Pejabat Pos Kuala Lumpur dan cawangan Pejabat Pos Terpilih di Negeri Selangor

### MESIN PAYQUIK KIOSK

Terdapat di Ibu Pejabat MPS, serta Pasaraya-Pasaraya terkemuka

### JOMPAY



Biller Code:  
3103

### APLIKASI



Sebarang maklumat lanjut sila hubungi Jabatan Perbendaharaan di talian: 03-6126 5966 / 5961 / 5963 / 5964



[www.mps.gov.my](http://www.mps.gov.my)



mpselayang



Ajib Perbandaran Selayang



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
REGISTRATION NO: QMS 51861



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013  
REGISTRATION NO: ISMS 00413

## MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

T 603-6126 5800

F 603-6138 8933

W [www.mps.gov.my](http://www.mps.gov.my) E [aduanmps@mps.gov.my](mailto:aduanmps@mps.gov.my) TF 1800-222-677

mpselayang

e-ISSN 3030-5896



9 773030 589005